



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**

**DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

JPA/PEN/228/26/6-13 Jld. 5 (29)

12 Mei 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENAMBAHBAIKAN PEMBERIAN AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR) DAN PENAMBAHBAIKAN PEMBERIAN AWAL AWARD WANG TUNAI GCR**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, kemudahan pemberian award wang tunai gantian cuti rehat (GCR) dan pemberian awal award wang tunai GCR sedia ada diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM), Ceraian PP.1.3.1: Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) dan Ceraian PP.1.3.4: Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat.

3. Kerajaan melalui Belanjawan 2023 sebagai menghargai jasa anggota perkhidmatan awam, telah bersetuju supaya kenaikan maksimum gantian cuti rehat (GCR) dipinda daripada 160 hari kepada 180 hari. Susulan daripada pengumuman

itu, kebenaran pemberian awal award wang tunai GCR dipinda dari 80 hari kepada 90 hari.

4. Pindaan cerai-an-cerai-an perlu dibuat bagi memastikan pelaksanaan pemberian GCR ini adalah teratur dan pindaan adalah seperti berikut:

**(i) Pindaan pada Cerai-an PP.1.3.1.: Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR)**

Pindaan bagi memaklumkan kenaikan had maksimum pengumpulan GCR dari 160 hari ke 180 hari.

**(ii) Pindaan pada Cerai-an PP.1.3.3.: Kebenaran Gantian Cuti Rehat Melebihi 180 Hari Digunakan Sebagai Cuti Rehat Pada Tahun Persaraan**

Pindaan bagi memaklumkan mengenai kebenaran GCR yang dikumpul melebihi 180 hari digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan.

**(iii) Pindaan Cerai-an PP.1.3.4.: Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat**

Pindaan bagi memaklumkan pemberian awal award wang tunai Gantian Cuti Rehat kepada 90 hari.


5. Pindaan cerai-an-cerai-an di atas berkuatkuasa mulai 1 Januari 2023.

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, cerai-an-cerai-an ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED)**